

## Penggunaan Analisis Faktor bagi Kajian Hubungan antara Faktor-faktor Peramal dengan Kecenderungan Pelajar Menceburi Kerjaya Keusahawanan

Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang<sup>1</sup>, Nor Hayati Sa'at<sup>2</sup>, Sabri Ahmad<sup>3</sup> dan Ibrahim Mamat<sup>4</sup>.

### ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor peramal yang mempengaruhi kecenderungan pelajar menceburi kerjaya keusahawanan. Data kajian ini diperolehi daripada borang soal selidik diedarkan secara rawak kepada 379 orang pelajar sekolah menengah yang mengikuti Program Tunas Niaga di Negeri Terengganu. Penggunaan analisis faktor menerbitkan lapan faktor peramal yang mempengaruhi kecenderungan pelajar menceburi kerjaya keusahawanan. Keputusan analisis faktor berjaya membangkitkan satu faktor peramal baru hasil gabungan item daripada pembolehubah asal. Faktor peramal baru ini dinamakan halangan. Meskipun analisis faktor dapat membentuk pembolehubah baru, namun wujud satu pembolehubah asal iaitu kebebasan digugurkan dari kajian ini. Item asal dalam pembolehubah ini berkorelasi dengan baik dalam konstruk lain. Kesemua lapan faktor peramal diklasifikasikan semulaberdasarkan senarai pendek yang diperolehi. Lapan faktor peramal ini disusun mengikut nilai eigenvalue tertinggi sebagai pembolehubah tidak bersandar bagi menerangkan pembolehubah lain. Model peranan dan halangan merupakan faktor peramal yang dominan mempengaruhi pelajar menceburi kerjaya keusahawanan.*

**Kata Kunci:** Analisis faktor, kebolehpercayaan, ujian regresi.

### 1. PENGENALAN

Komuniti Melayu harus memainkan peranan sebagai penyokong ke arah memakmur dan memajukan diri melalui cara melibatkan secara aktif dan positif dalam program pembangunan keusahawanan yang dirancang Kerajaan. Mereka boleh berperanan sebagai pengusaha dan tenaga kerja dalam bidang keusahawanan serta sektor pelengkap lain seperti sosial. Kesanggupan mereka

<sup>1</sup> WAN MOHD ZAIFURIN WAN NAWANG, Pelajar Siswazah (Ph.D), Pusat Pengajian Sosial dan Ekonomi, Universiti Malaysia Terengganu, (017-9667345).

<sup>2</sup> DR. NOR HAYATI SA'AT, Pengurus Program/Pensyarah, Pusat Pengajian Sosial dan Ekonomi, Universiti Malaysia Terengganu, (013-9801848).

<sup>3</sup> PROF. MADYA DR. SABRI AHMAD, Pensyarah Pusat Pengajian Infomatik dan Matematik Gunaan, Universiti Malaysia Terengganu, (019-9340606).

<sup>4</sup> PROF. DR. IBRAHIM MAMAT, Pengarah Institut Darul Iman, Universiti Sultan Zainal Abidin, (019-9141920).

merupakan sokongan moral terhadap bidang keusahawanan dan secara langsung mencerminkan kesediaan melibatkan diri dalam sektor ekonomi sebagai ahli Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (Yahaya dan Norsiah, 2006). Golongan usahawan akan mencorakkan aktiviti keusahawanan ke arah penerokaan dan mengeksploitasi peluang sosial melalui penggunaan sumber sedia ada sebagai elemen utama proses pembangunan negara. Aktiviti ini dianjurkan sama ada oleh organisasi sedia ada atau baru untuk menggalakkan lebih ramai ahli komuniti menyertai program bercorak keusahawanan secara sukarela. Di samping itu dapat merebut peluang perniagaan dan merapati agensi Kerajaan yang menawarkan skim pembiayaan perdagangan bagi membantu individu di peringkat permulaan keusahawanan (Austin, *et. al.*, 2006).

Tindakan Kerajaan membudayakan keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menerusi Program Usahawan Muda adalah satu keputusan tepat kerana kedudukan komuniti Melayu jauh ketinggalan dari segi penyertaan dalam ekonomi. Pelajar dipupuk sikap keusahawanan supaya mampu bergiat dalam semua bidang dan kegiatan ekonomi bagi membolehkan mereka bersama-sama bukan Bumiputera berganding bahu membangunkan negara (Norashidah, *et. al.*, 2009). Pelajar yang mempunyai pengetahuan berkaitan latihan, bimbingan, pemasaran produk dan pembiayaan modal boleh membantu diri mereka memulakan perniagaan selepas menamatkan persekolahan. Pengetahuan ini memberi kesan kepada kejayaan mereka dalam bidang keusahawanan (Norasmah dan Muharam, 2009).

Program Usahawan Muda kini dikenali sebagai Program Tunas Niaga merupakan salah satu program pembangunan komuniti yang dirancang dan dilaksanakan Kerajaan untuk membangunkan generasi muda supaya mampu berdikari dan mengurangkan pengangguran. Menurut Mohd Yusof, *et. al.*, (2011) konsep ini merupakan pendekatan pembangunan dari atas ke bawah. Pembangunan komuniti menuntut penglibatan atau penyertaan anggota komuniti selaku kumpulan sasaran kepada usaha mengubah keadaan hidupnya. Penglibatan anggota komuniti ini adalah sama ada sebagai penerima langsung faedah atau penyumbang aktif kepada proses pembangunan masyarakat. Lazimnya penyertaan komuniti adalah minimum iaitu hanya sebagai peserta dan diperkasakan melalui pelbagai program yang dirancang dan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan. Maklumat mengenai program yang baik dan sesuai untuk mengubah keadaan hidup disebarluaskan secara meluas kepada kumpulan sasaran supaya mereka cenderung untuk menyertai atur cara anjuran Kerajaan. Kajian ini menggunakan analisis faktor untuk mengenal pasti faktor-faktor peramal yang mempengaruhi kecenderungan ahli Program Tunas Niaga menceburi kerjaya keusahawanan. Kajian ini juga cuba untuk menentukan hubungan antara faktor-faktor peramal dengan kecenderungan ahli Program Tunas Niaga menceburi kerjaya keusahawanan.

## 2. METODOLOGI

Kajian ini hanya memilih 41 buah sekolah menengah harian biasa. Sekolah ini dipilih secara rawak. Jumlah pelajar yang menjadi ahli Program Tunas Niaga di 35 buah Sekolah Menengah Kebangsaan(SMK) dan enam buah Sekolah Menengah (SM) harian biasa di Negeri Terengganu adalah seramai 1,228 orang. Maka populasi kajian ini adalah semua pelajar yang menjadi ahli Program Tunas Niaga di 35 buah SMK dan enam buah SM harian biasa di Negeri Terengganu. Kajian ini mengambil sejumlah kecil pelajar dari populasi untuk digunakan sebagai sampel. Sampel ini diambil menggunakan kaedah persempelan rawak mudah.

Kajian ini menetapkan bilangan responden ialah seramai 410 orang pelajar yang terpilih sebagai saiz sampel. Kajian ini mengambil sampel melebihi penentuan saiz Krejcie dan Morgan (1970) yang memberi cadangan populasi seramai 1,200 orang, bilangan sampel dicadangkan ialah 291 orang (Chua, 2006a). Kajian ini mengambil sampel yang ramai supaya lebih mewakili populasi dan mengurangkan ralat persampelan iaitu perbezaan antara min bagi sampel rawak dengan min populasi bertaburan secara normal.

Instrumen kajian diagihkan kepada mereka setelah saiz sampel ditentukan dan responden dipilih secara rawak mudah. Instrumen kajian dikumpul semula selepas responden selesai menjawab kesemua item yang dikemukakan penyelidik kepada mereka. Instrumen kajian digunakan untuk mengukur dan mengumpul data yang diperlukan. Instrumen atau borang soal selidik yang digunakan dalam kajian ini mengandungi tiga bahagian. Bahagian A mengandungi maklumat profil ahli Program Tunas Niaga. Bahagian B mengandungi maklumat tentang faktor-faktor peramal yang mempengaruhi kecenderungan ahli Program Tunas Niaga menceburi kerjaya keusahawanan. Bahagian C pula tentang kecenderungan ahli Program Tunas Niaga menceburi kerjaya keusahawanan.

Instrumen disediakan dari input kajian literatur kemudian diinterpretasi soalan dengan menekankan objektif kajian. Soalan yang diambil dari kajian asal telah diubahsuai mengelakkan berlaku bias iaitu kecenderungan penyelidik bersetuju dengan kenyataan sedia ada dalam skala atau instrumen lalu. Kebiasaananya item kenyataan diambil kira sebagai satu ciri dalam mengukur instrumen yang digunakan untuk mendapatkan data. Instrumen ini diberikan kepada enam orang ahli Program Tunas Niaga, seorang guru pembimbing dan tiga orang pakar keusahawanan untuk memberi komen dari segi penggunaan perkataan, ayat, bahasa dan mengesahkan kandungan setiap item. Hasilnya sebanyak lima item kenyataan diperbaiki dari segi struktur ayat dan dirintiskan kepada 15 orang ahli Program Tunas Niaga setelah meneliti pandangan mereka.

Item kenyataan dalam instrumen perlu disahkan oleh ahli, guru pembimbing yang mengajar Program Tunas Niaga dan pakar keusahawanan untuk menentukan kecukupan kandungannya. Ahli Program Tunas Niaga menyemak keseluruhan item kerana mereka mempunyai pengalaman mengikuti program tersebut. Guru pembimbing meneliti keseluruhan item kerana mereka merupakan golongan pelaksana merangkap pentaksir dalam pelaksanaan Program Tunas Niaga. Pakar keusahawanan meneliti keseluruhan item untuk memastikan sama ada ukuran yang digunakan mengandungi semua ciri hendak diukur dalam instrumen ini. Manakala kesahan konstruk ditentukan menggunakan kaedah analisis faktor penerokaan.

### 3. KEPUTUSAN KAJIAN

Dapatan kajian ini diperolehi dari sampel seramai 379 orang pelajar atau responden yang mengikuti Program Tunas Niaga di 41 buah sekolah menengah di Negeri Terengganu. Masa untuk mengedar dan mengumpulkan borang soal selidik dalam kalangan responden adalah sebulan. Jangka masa yang digunakan untuk mengisi satu borang soal selidik ialah antara lima hingga 20 minit. Sebahagian besar borang soal selidik dapat dikumpulkan semula dan responden memberikan kerjasama sepenuhnya. Soal selidik yang diberikan berpandukan kepada pengalaman pelajar selama mereka berada dalam Program Tunas Niaga dan tidak memerlukan masa agak lama untuk menjawab setiap soalan.

#### 3.1 Pembersihan Data

Data yang diperoleh perlu dibersihkan terlebih dahulu sebelum melakukan analisis lanjut supaya tidak mempengaruhi hasil dapatan kajian. Hasil kajian menjadi kurang tepat kerana kesalahan penyelidik ketika memasukan data. Penyelidik perlu berhati-hati kerana instrumen yang digunakan untuk memungut data kajian ini diubahsuai dari penyelidikan lepas. Penyelidik menggunakan tiga cara untuk membersihkan data kajian ini.

Cara pertama ialah penyelidik perlu membersihkan data dari kesilapan ketika memasukan data. Data sepatutnyadimasukkan ialah nilai tiga, tetapi penyelidik berkemungkinan tersilap memasukkan satu, dua, empat atau lima. Kesilapan seperti ini jika tidak dibersihkan terlebih dahulu boleh mempengaruhi skor keseluruhan yang diperoleh dari sampel kajian. Hasil kajian sepatutnya menunjukkan skor rendah berkemungkinan menjadi lebih tinggi. Skor tinggi ini disebabkan kesalahan penyelidik memasukan data yang tidak bersih. Penyelidik perlu menyemak dan membersihkan data tersebut sebelum melakukan analisis selanjutnya. Penyelidik mendapat tidak terdapat sebarang kesilapan semasa proses kemasukan data ke dalam perisian *Statistical Package for Sosial Science* (SPSS) setelah memeriksa kesemua pembolehubah. Menurut Rahim (2013)

kesilapan semasa melakukan proses memasukan data seperti nilai tiga terataip satu merupakan perkara biasa tetapi memberi kesan kepada pengiraan korelasi. Penyelidik harus menyemak nilai dalam setiap pembolehubah dan memperbetulkan semula data yang diketahui salah dengan merujuk kepada borang soal selidik.

Cara kedua ialah mengkodkan data terhadap item-item negatif dalam instrumen yang digunakan. Kebiasaanya responden cenderung memberikanjawapan rendah bagi item negatif. Skor responden menjadi rendah sekiranya tidak diubah ke dalam bentuk positif dan boleh menjelaskan hasil kajian. Dapatkan kajian sepatutnya betul berkemungkinan menjadisalah kerana penyelidik terlupa melakukan pengkodan semula item negatif pada data. Misalnya penyelidik tidak menterbalikkan nilai soalan berbentuk negatif dari 1, 2, 3, 4, 5 kepada positif 5, 4, 3, 2, 1. Menurut Rosseni (2010) item negatif perlu dikodkan semula sebagai positif supaya selari dengan item lain. Dapatkan kajian menjadi salah sekiranya penyelidik terus melaksanakan analisis tanpa mengkodkan semula item.

Cara ketiga ialah mengenal pasti data tidak diisi (*missing value*). Data tidak diisi bermaksud responden tidak menjawab item-item dalam borang soal selidik kajian. Responden tidak menjawab pada item dalam borang soalselidik menyebabkan perisian SPSS akan mengecam sebarang ruang kosong sebagai data yang tidak diisi atau *missing data*. Responden tidak menjawab terlalu banyak item dalam borang soal selidik digugurkan sebagai sampel kajian kerana menjelaskan skor subjek lain. Responden masih lagi boleh di terima sebagai sampel kajian sekiranya tidak menjawab beberapa item sahaja. Menurut Pallant (2010) responden tidak menjawab beberapa item boleh lagi di terima sebagai sampel kajian kerana hanya berlaku *missing value* pada bilangan sedikit. Pallant (2010) memberi dua cara untuk mengatasi data yang hilang. Cara pertama ialah mengisi ruang yang mengandungi *missing value* dengan nilai min keseluruhan bagi responden terlibat dalam kajian. Cara kedua ialah mengabaikan *missing value* sekiranya tidak terdapat terlalu banyak item yang tiada jawapan.

Menurut Hair, et. al., (2010) bilangan data yang hilang tidak terlalu banyak (10 peratus ke bawah) boleh diabaikan. Kajian mempunyai data yang hilang mestilah cukupuntuk teknikanalisis pilihan sekiranya tiada penggantian. Penyelidik menggunakan statistik deskriptif mencari bilangan kes data yang hilang bagi setiap pembolehubah. Terdapat satu ruangan di bahagian atas output kekerapan dalam jadual statistik memperincikan bilangan kes data yang hilang bagi setiap pembolehubah. Hasil analisis deskriptif menunjukkan tiada pembolehubah kajian mempunyai bilangan kes data yang hilang. Data mengandungi *missing value* boleh menyebabkan analisis kajian ini mendapat anggaran parameter populasi yang berat sebelah.

Menurut Graham (2012) matlamat analisis setiap kajian adalah untuk mendapatkan anggaran parameter populasi yang tidak berat sebelah. Data yang hilang boleh menyebabkan masalah serius. Penyelidik berkemungkinan tidak mempunyai data mencukupi untuk melaksanakan analisis kerana kebanyakan prosedur statistik secara automatik menghapuskan kes data yang hilang. Keputusan statistik mungkin tidak signifikan kerana jumlah kecil input data. Setiap soalan mungkin mempunyai bilangan kecil data yang hilang, tetapi jika digabungkan boleh menjadibanyak. Keputusan kajian juga mengelirukan dan terjejas dengan melaporkan dapatan berat sebelah. Dapatan penyelidik kadang-kadang tidak menyamai penemuan orang lain kerana data kajian bermasalah.

### 3.2 Ujian Kenormalan

Sampel data perlu diuji untuk menentukan sama ada taburan adalah normal atau tidak. Sekiranya taburan tidak normal (atau tidak memenuhi kriteria taburan normal), ujian statistik berparameter tidak sesuai digunakan untuk data berkenaan. Beberapa ujian perlu dijalankan untuk menentukan data kajian ini bertaburan secara normal atau sebaliknya. Bentuk histogram menunjukkan frekuensi taburan data kajian ini bertaburan secara normal kerana bahagian tengah tinggi (kebanyakan skor berpusat di tengah) dan kiri serta kanan rendah. Bentuk histogram di bahagian kiri dan kanan menunjukkan taburan rendah kerana sebahagian kecil responden mempunyai skor sangat sedikit serta terlampaui banyak. Garisan lengkungan berupa loceng jika data diplot dalam bentuk graf. Menurut Rahim (2013) paparan garisan *normal curve* yang membentuk lengkungan seperti loceng boleh diandaikan data bertaburan normal.

Plot kebarangkaliannya normal atau *Normal Probability Plot (Normal Q-Q Plot)* data kajian ini bertaburan secara normal. Semua maklumat responden yang dikumpulkan daripada instrumen bertaburan di atas garisan lurus hingga ke pepenjuru. Menurut Chua (2006b) dan Hair, *et. al.*, (2010) data bertaburan normal sekiranya semua maklumat responden yang dikumpulkan daripada instrumen berada di atas garisan lurus bersudut 45 darjah.

Hubungan antara pembolehubah tidak bersandar dan bersandar kajian ini adalah berbentuk linear. Data kajian ini tersebar secara rawak dan tidak membentuk pola tertentu. Menurut Hair, *et. al.*, (2010) data bertaburan secara normal kerana hubungan antara pembolehubah tidak bersandar dan bersandar adalah linear. Data kajian ini menunjukkan tidak ada masalah multikolineariti yang tinggi dalam kalangan pembolehubah tidak bersandar. Andaian ini dapat ditafsirkan dengan cara melihat nilai *Tolerance* dan *Variance Inflation Factor (VIF)* pembolehubah tidak bersandar dalam analisis regresi. Kedua-dua nilai ini diperolehi menggunakan Ujian *Collinearity Statistic*. Ujian *Collinearity Statistic* menunjukkan pembolehubah tidak bersandar yang dimasukkan dalam analisis regresi mempunyai nilai *Tolerance* melebihi 0.1 dan VIF kurang daripada 10.

Menurut Hair, *et. al.*, (2010) nilai *Tolerance* yang rendah iaitu kurang daripada 0.1 dan VIF melebihi 10 menunjukkan wujud masalah multikolineariti.Ujian yang telah dijalankan ini menunjukkan data kajian memenuhi kriteria taburan normal.

### 3.3 Analisis Faktor

Analisis faktor merupakan satu cara lanjutan digunakan bagi menentukan sama ada item dianalisis itu mengarah kepada konstruk serupa atau membentuk faktor baru. Analisis ini digunakan sebagai langkah awal sebelum pengolahan data bersifat lebih besar atau lebih kompleks seperti analisis regresi.Analisis faktor merupakan teknik multivariat menitik beratkan data yang mempunyai hubungan erat secara bersama pada sekelompok pembolehubah tidak bersandar. Menurut Hair, *et. al.*, (2010) analisis faktor ialah unit analisis, mencapai rumusandanpengurangandata, pemilihan pemboleh ubah dan menggunakan hasil ujian dengan teknikmultivariatlain untuk memenuhi objektif kajian.

Kajian ini menggunakan analisis faktor pada pembolehubah tidak bersandar (item kenyataan) iaitu Bahagian B instrumen dengan memilih kaedah putaran *varimax*. Hasil analisis menunjukkan terdapat lapan faktor mempunyai nilai *eigenvalue* melebihi satu dan menjelaskan sebanyak 52.36 peratus jumlah varian yang terdapat pada data. Pengukuran *Kaiser-Meyer-Olkin* (KMO)-*Measure of Sampling Adequacy* (MSA)menunjukkankansukatan persempelan adalah 0.90 iaitu menghampiri satu kerana setiap pembolehubah hampir sempurna meramalkan tanpa ralat oleh pembolehubah lain. Manakala ujian Bartlett's adalah signifikan ( $p < 0.01$ ). Oleh itu, sampel layak difaktorkan dan dapat dianalisis lebih lanjut kerana nilai KMO-MSA  $> 0.90$  pada aras signifikan  $p < 0.01$ . Menurut Hair,*et. al.*, (2010) item layak untuk analisis faktor apabila nilai KMO-MSA melebihi 0.50 dan mempunyai nilai yang signifikan.

Analisis faktor berjaya mereduksi sejumlah pembolehubah asal yang mengandungi banyak item kepada faktor baru. Faktor baru ini mengandungi jumlah item lebih atau kurang sedikit dari pembolehubah asal. Analisis ini juga berjaya membangkitkan satu faktor baru hasil gabungan item dari pembolehubah asal. Kesemua lapan faktor diklasifikasikan semulaberdasarkan senarai pendek yang diperolehi. Lapan faktor ini disusun mengikut nilai *eigenvalue* tertinggi sebagai pembolehubah tidak bersandar bagi menerangkan pembolehubah lain dalam analisis regresi.Penyelidik hanya mengambil item yang mempunyai saiz muatan 0.40 dan ke atas sahaja dalam setiap faktor. Menurut Tabachnick dan Fidell(2007) item mempunyai saiz muatan 0.45 merupakan tahap sesuai digunakan untuk tujuan tafsiran faktor. Manakala Hair, *et. al.*, (2010) mewajarkansaiz muatan 0.30 adalah praktikal untuk sampel melebihi 350 ke atas. Analisis ini dapat membentuk lapan faktor seperitimana ditunjukkan pada Jadual 1.

Jadual 1: Keputusan Analisis Faktor menggunakan putaran *varimax*

Nombor Item	FAKTOR							
	Pertama	Kedua	Ketiga	Keempat	Kelima	Keenam	Ketujuh	Kelapan
sBG4	0.75							
sBG6	0.75							
sBG3	0.75							
sBG5	0.74							
sBG2	0.73							
sBH6	0.66							
sBG8	0.64							
sBH7	0.60							
sBH5	0.60							
sBG1	0.57							
sBH4	0.56							
sBG7	0.56							
sBH8	0.54							
sBB1		0.71						
sBB2		0.71						
sBB3		0.66						
sBC4		0.63						
sBC1		0.59						
sBB7		0.59						
sBC2		0.59						
sBC5		0.58						
sBB4		0.57						
sBB5		0.56						
sBB6		0.55						
sBC6		0.53						
sBC7		0.51						
sBA7			0.65					
sBA5			0.63					
sBA8			0.60					
sBA6			0.56					
sBA3			0.55					
sBA4			0.54					
sBA2			0.53					
sBD1			0.52					
sBD2			0.51					
sBA1			0.49					
sBH1			0.45					
sBD3			0.41					

Jadual 1: Keputusan Analisis Faktor menggunakan putaran *varimax* (sambungan)

FAKTOR								
Nombor Item	Pertama	Kedua	Ketiga	Keempat	Kelima	Keenam	Ketujuh	Kelapan
sBF9				0.73				
sBF10				0.73				
sBF11				0.71				
sBF8				0.70				
sBG10		0.62						
sBG9			0.55					
sBH11			0.55					
sBG11			0.54					
sBE14				0.48				
sBD11		0.43						
sBD6				0.81				
sBD5				0.80				
sBD7				0.78				
sBD4				0.73				
sBD8				0.70				
sBB8				0.71				
sBB9				0.65				
sBC10				0.52				
sBC11				0.45				
sBC9					0.43			
sBE13					0.73			
sBE12					0.73			
sBE11					0.42			
sBF4						0.52		
sBF3						0.51		
sBF1						0.47		
sBF5						0.47		
sBF						0.43		
sBF2						0.41		

Terdapat 26 item kenyataan yang berada dalam instrumen asal tidak terkelas kerana korelasi dengan item lain rendah. Tidak bermakna item-item ini terkeluar dari lapan faktor kerana ahli Program Tunas Niaga yang menjadi responden di lokasi kajian berpandangan kenyataan tersebut kurang penting. Analisis faktor juga telah mendekatkan data pada satu pengelompokan atau pembentukan pembolehubuh baru berdasarkan kepada keeratan hubungan antara dimensi item. Pembolehubah baru ini dinamakan halangan. Bagaimanapun wujud satu

pembolehubah asal iaitu kebebasan digugurkan dari kajian ini meskipun analisis faktor berjaya membentuk pembolehubah baru. Item asal dalam pembolehubah ini berkorelasi dengan baik dalam konstruk lain. Pengelasan Bahagian B instrumen dikelaskan semula mengikut lapan faktor yang diekstrakkan seperitmanya ditunjukkan pada Jadual 2.

Jadual 2: Jumlah Varian yang Dijelaskan

Faktor	Jumlah	Peratus Varian	Peratus Kumulatif
Kewangan	15.74	23.50	23.45
Model peranan	4.65	6.94	30.44
Personaliti		3.44	5.13
Halangan		3.06	4.56
Pengenalan sosial	2.37	3.53	43.67
Normal sosial	2.19	3.28	46.95
Pengetahuan keusahawanan	1.91	2.84	49.79
Kemahiran keusahawanan	1.72	2.57	52.36

### 3.4 Ujian Kebolehpercayaan

Kebolehpercayaan adalah darjah yang menunjukkan pengukuran dijalankan bebas dari kesilapan dan seterusnya menghasilkan keputusan konsisten. Pendekatan yang digunakan untuk mengukur koefisien kebolehpercayaan item-item dalam instrumen adalah ketekalan dalaman (*internal consistency*). Teknik menganggarkan ketekalan dalaman yang digunakan dalam kajian sebenar dan ujian rintis ini ialah nilai *Alpha Cronbach* bagi setiap pembolehubah. Menurut Chua (2006b) kebolehpercayaan dalam instrumen penyelidikan merujuk kepada keupayaan kajian memperoleh nilai serupa apabila pengukuran yang sama diulangi. Nilai serupa diperolehi sekiranya pengukuran kali kedua dijalankan menunjukkan instrumen penyelidikan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

Jadual 3: Kebolehpercayaan instrumen mengikut kajian sebenar dan rintis

Pembolehubah kenyataan	Bil. item (n = 379)	Kajian sebenar (n = 15)	Kajian rintis (n = 15)
Kewangan		13	0.91
0.90			
Model peranan	13	0.90	0.93
Personaliti	12	0.83	0.83
Halangan tiada		10	0.84
Pengenalan sosial	5	0.92	0.96
Norma sosial	5	0.70	0.61
Pengetahuan keusahawanan	3	0.80	0.81
Kemahiran keusahawanan	6	0.86	0.93
Kecenderungan menceburi bidang keusahawanan	21	0.88	0.83

Nilai ketekalan dalaman *Alpha Cronbach* dalam kajian sebenar berada antara 0.70 hingga 0.92 dan rintis 0.61 hingga 0.96 sepertimana ditunjukkan pada Jadual 1. Nilai ini menunjukkan instrumen boleh digunakan kerana memenuhi ciri dikehendaki. Kebolehpercayaan instrumen kajian ini berada pada tahap konsisten apabila diukur dalam kajian sebenar dan ujian rintis untuk individu berlainan dan di dua waktu yang berbeza.

Nilai *Alpha Cronbach* Bahagian B instrumen iaitu Faktor-Faktor Peramal Yang Mempengaruhi Kecenderungan Menceburi Bidang Keusahawanan Dalam Kalangan Ahli Program Tunas Niaga iaitu kewangan (0.91), model peranan (0.90), personaliti (0.83), halangan (0.84), pengenalan sosial (0.92), norma sosial (0.70), pengetahuan keusahawanan (0.80) dan kemahiran keusahawanan (0.86) dalam kajian sebenar antara 0.70 hingga 0.92. Nilai *Alpha Cronbach* kajian rintis bagi kewangan (0.90), model peranan (0.93), personaliti (0.83), pengenalan sosial (0.96), norma sosial (0.61), pengetahuan keusahawanan (0.81) dan kemahiran keusahawanan (0.93) antara 0.61 hingga 0.96. Nilai *Alpha Cronbach* Bahagian C iaitu Kecenderungan Menceburi Bidang Keusahawanan Dalam Kalangan Ahli Program Tunas Niaga kajian sebenar ialah 0.88 dan rintis 0.83.

Menurut Hair, et. al., (2010) ukuran kebolehpercayaan dari kosong hingga satu dan mempunyai nilai antara 0.60 hingga 0.70 dianggap adalih penerimaan paling minimum. Pembolehubah konsisten apabila tahap kebolehpercayaan tidak berubah-ubah apabila digunakan berulang kali dalam kajian yang berlainan. Setelah analisis kebolehpercayaan dijalankan hanya pembolehubah norma sosial mempunyai nilai ditahap 0.60 dan konsisten pada nilai tersebut ketika penyelidik melakukan kajian sebenar dan rintis. Kesemua pembolehubah kajian ini disimpan untuk kegunaan analisis lebih lanjut.

### **3.5 Hubungan antara Faktor-faktor Peramal dengan Kecenderungan Menceburi Kerjaya Keusahawanan**

Kajian ini menggunakan Analisis Regresi Pelbagai kerana mempunyai lapan faktorperamal yang dijangkakan dapat mempengaruhi kecenderungan menceburi kerjaya keusahawanan. Analisis Regresi Pelbagai juga sesuai digunakan bagi menentukan faktor peramal mana paling dominan memberi sumbangan kepada kecenderungan menceburi kerjaya keusahawanan.

Nilai  $R$  adalah korelasi antara pembolehubah kriteria (pembolehubah bersandar) dan pembolehubah peramal (kombinasi pembolehubah tidak bersandar). Nilai  $R^2$  sebanyak 0.46 menunjukkan 46 peratus perubahan dalam pembolehubah kriteria disebabkan oleh sumbangan pembolehubah peramal. Keputusan ini disokong oleh Ujian Anova dengan nilai  $F$  ( $dk = 8, 370, p < 0.01$ ) = 38.73. Ini bermakna Analisis Regresi Pelbagai telah menunjukkan wujud sumbangan signifikan faktor-faktor peramal yang mempengaruhi kecenderungan menceburi kerjaya keusahawanan.

Empat faktor iaitu kewangan ( $\beta = 0.14, p < 0.01$ ), model peranan ( $\beta = 0.24, p < 0.01$ ), halangan ( $\beta = 0.24, p < 0.01$ ), pengenalan sosial ( $\beta = 0.12, p < 0.05$ ) dan kemahiran keusahawanan ( $\beta = 0.18, p < 0.01$ ) merupakan peramal signifikan mempengaruhi kecenderungan menceburi kerjaya keusahawanan. Keputusan Analisis Regresi Pelbagai membuktikan kewangan, model peranan, halangan, pengenalan sosial dan kemahiran keusahawanan merupakan faktor-faktor peramal yang mempengaruhi kecenderungan ahli Program Tunas Niaga menceburi kerjaya keusahawanan.

Tiga faktor lain iaitu personaliti ( $\beta = 0.03, p > 0.05$ ), norma sosial ( $\beta = -0.06, p > 0.05$ ) dan pengetahuan keusahawanan ( $\beta = -0.08, p > 0.05$ ) bukan peramal yang signifikan mempengaruhi kecenderungan menceburi kerjaya keusahawanan. Keputusan Analisis Regresi Pelbagai membuktikan personaliti, norma sosial dan pengetahuan keusahawanan bukan faktor-faktor peramal yang mempengaruhi kecenderungan ahli Program Tunas Niaga menceburi kerjaya keusahawanan.

Kajian ini secara jelas menunjukkan model peranan ( $\beta = 0.24$ ) dan halangan ( $\beta = 0.24$ ) merupakan faktor peramal paling dominan mempengaruhi kecenderungan ahli Program Tunas Niaga menceburi kerjaya keusahawanan. Penyataan ditunjukkan oleh nilai beta piawai mencadangkan satu unit pertambahan faktor peramal model peranan dan halangan masing-masing dikaitkan dengan peningkatan 0.24 unit kecenderungan ahli Program Tunas Niaga menceburi kerjaya keusahawanan. Faktor-faktor peramal ini boleh dipertimbangkan oleh pembuat dasar untuk mengurangkan pengangguran agar masalah sosial dapat dicegah dan mampu melahirkan usahawan baru dalam kalangan generasi muda. Model peranan, bantuan untuk mengatasikekangan dan latihan harus

dipromosilebih besar bagi menggalakkan generasi muda bekerja sebagai usahawan pada masa depan.

#### 4. KESIMPULAN

Analisis faktor merupakan alat yang boleh membantu penyelidik mencari maklumat dan mengesahkan item betul dalam setiap faktor peramal. Prosedur analisis faktor kajian ini telah memenuhi kriteria yang ditentukan oleh Hair, *et. al.*, (2010). Terdapat lapan faktor peramal yang diekstrakkan setelah putaran varimax dijalankan menerusi analisis faktor. Lapan faktor peramal tersebut ialah kewangan, model peranan, personaliti, halangan, pengenalan sosial, norma sosial, pengetahuan keusahawanan dan kemahiran keusahawanan. Faktor ketujuh iaitu pengetahuan keusahawanan hanya mempunyai tiga item kenyataan. Kajian akan datangperlu berusaha mencari lebih banyak item tambahan mengukur pembolehubah ini. Keputusan Analisis Regresi Pelbagai menunjukkan kewangan, model peranan, halangan, pengenalan sosial dan kemahiran keusahawanan merupakan faktor-faktor peramal yang mempengaruhi kecenderungan ahli Program Tunas Niaga menceburi kerjaya keusahawanan. Model peranan dan halangan merupakan dua faktor peramal paling kuat mempengaruhi kecenderungan ahli Program Tunas Niaga menceburi kerjaya keusahawanan.

#### RUJUKAN

- Austin, J., Stevenson, H., & Wei-Skillern, J. (2006). Social and commercial entrepreneurship: same, different or both? *Entrepreneurship Theory & Practice*, 30 (1), 1-22.
- Chua Yan Piaw. (2006a). Kaedah dan statistik penyelidikan buku 1: Kaedah penyelidikan. McGraw-Hill Education Sdn. Bhd.
- \_\_\_\_\_. (2006b). Kaedah dan statistik penyelidikan buku 2: Kaedah penyelidikan. McGraw-Hill Education Sdn. Bhd.
- Graham, J., W. (2012). Missing Data: Analysis and Design. Statistics for Social and Behavioral Sciences. Springer Science Business Media. New York.
- Hair, J. F., Anderson, R. E., Tatham, R. L., dan Black, W. C. (2010). Multivariate data analysis seventh edition. New York: Prentice Hall International Inc.
- Mohd Yusof Abdullah, Noor Rahamah Abu Bakar, Junaenah Sulehan, Abd Hair Awang, & Ong Puay Liu. (2011). Komunikasi dan Pembangunan Komuniti Peringkat Desa: Berkongsi Pengalaman antara Indonesia dengan Malaysia. *Jurnal Melayu*(6), 227-237.

- Norashidah Hashim, Norasmah Othman, & Nor Aishah Buang. (2009). Konsep kesediaan keusahawanan berdasarkan kajian kes Usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 187-203.
- Norasmah Othman dan Muharam Gaya. (2009). Tahap pengetahuan pelatih Institut Kemahiran MARA mengenai persekitaran kondusif untuk bakal usahawan. Universiti Teknologi Malaysia. *Jurnal Teknologi*, 50(E), 53-67.
- Pallant, J. (2010). A step by step guide to data analysis using SPSS 4th edition. Australia: Allen & Unwin.
- Rahim Utah. (2013). IBM SPSS STATISTICS for window. *ebook-SPSSversi21-2013*.
- Rosseni Din. 2010. Manuskip analisis data kuantitatif dalam kajian pembinaan. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tabachnick, B., G. and Fidell, L., S.(2007). Using multivariate statistics fifth edition. Pearson/Allyn & Bacon. Boston.
- Yahya Ibrahim dan Norsiah Ahmad. (2006). Keusahawanan dan daya saing usahawan Melayu di sektor pelancongan. *Jurnal Pengajian Melayu*. Jilid 17. pp. 16-33.